



قائىت برۇنى Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 31 BILANGAN 13

RABU 26 MAC, 1986.

رابو 15 رجب 1406

PERCUMA

HASRAT K'JAAN LANTIK ANAK TEMPATAN ISI BIDANG KEHAKIMAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan bersabda kerajaan dalam jangka panjang berhasrat supaya kesemua perantaraan undang-undang dan kehakiman diisikan oleh warganegara negara ini sendiri.

Bagaimanapun perkara itu tertakluk kepada terdapatnya calon-calon yang betul-betul berkelayakan dan sesuai selaras dengan pemeliharaan kecekapan, kemahiran yang tinggi mutunya yang ada

Oleh: Ahat Haji Ismail

sekarang dan yang paling penting sekali kesaksamaan dan kebebasan mahkamah-mahkamah.

Kerajaan dari itu, jelas Yang Amat Mulia mengakui akan keperluan tersebut yang bergantung harapan kepada kemahiran dari luar negeri sehingga warganegara-warganegara Brunei boleh didapati untuk mengisi jawatan-jawatan itu.

Menyatakan perkara itu di upacara Pembukaan Tahun Undang-Undang 1986 di

Mahkamah Besar 17 Mac lalu, Yang Amat Mulia menjelaskan bahawa hakim-hakim Paduka Seri Baginda Queen di Hong Kong disediakan bagi perantaraan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai pesuruhjaya-pesuruhjaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum itu Yang Amat Mulia bersabda

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika memperkenalkan mengadap Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Haji Fuad Hassan.

Masalah dadah dan jenayah diberi perhatian serius

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bidang-bidang penyalahgunaan dadah, jenayah yang melibatkan senjata api dan penguatkuasaan undang-undang lalu lintas adalah di antara bidang yang diberi perhatian serius dalam memelihara undang-undang dan ketenteraman.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan bersabda, penyalahgunaan dadah adalah masalah serius dan perlu dikawal jika tidak ianya akan melemahkan dan meruntuhkan masyarakat.

"Penyalahgunaan dadah sebagai satu masalah yang kalau tidak dicegah dengan tegas dan dikawal dengan rapi akan melemahkan dan akhirnya

Lihat muka 20

MANISNYA IMAN

"WAHA! manusia, sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu terdiri dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak (untuk) supaya kamu berkenalan. Sesungguhnya yang paling mulia dari kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa. Sesungguhnya Allah itu mengetahui lagi hal-hal yang kamu kerjakan." — Makna ayat 13 Surah Al-Hajrat.

PETIKAN TITAH

“Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan diseru untuk terus berkhidmat dengan penuh azam dan tekad bagi mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah semata-mata kerana Allah iaitu satu pentadbiran yang bebas dari tamak dan rasuah dan penyelewengan laila tugas dan kuasa.”

Diitahkan semasa Istiadat Mengadap sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-38 pada 15 Julai, 1984 bertempat di Lapau.

Kes jenayah 1985 menurun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kes jenayah di negara ini pada tahun lalu menurun jika dibandingkan pada tahun 1984. Dalam tahun 1985 hanya sembilan kes sahaja berbanding dengan tahun 1984 berjumlah 23 kes.

Jumlah kes jenayah pada tahun 1979 ialah lima kes, empat kes tahun 1980; 19 kes tahun 1981; 16 kes pada tahun 1982 dan 13 kes pada tahun 1983.

Ketua Hakim Negara, Dato Seri Paduka Denys Roberts berkata Mahkamah memula-

kan hukuman sivil pada tahun 1979 dengan bilangan 281 kes. Pada tahun 1980 sebanyak 189 kes, tahun 1981 sebanyak 208 kes, tahun 1982 sebanyak 268 kes, tahun 1983 sebanyak 292 kes, pada tahun 1984 sebanyak 356 kes dan tahun lalu ialah 496 kes.

“Berikutan dengan Mahkamah Tinggi, bilangan hukuman sivil telah menurun di tahun 1982 dengan 72 kes. Sejumlah 102 kes pada tahun 1983, 63 kes pada tahun 1984 dan 185 kes pada tahun 1985,” jelas Ketua Hakim

Negara.

Berucap sejourus selepas memeriksa perbarisan 52 orang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei di Mahkamah Besar sempena upacara pembukaan Tahun Undang-Undang 1986 pada 17 Mac yang lalu beliau menyatakan bahawa tugas-tugas yang ditekankan ialah rayuan ke Mahkamah dan Mahkamah Tinggi mengikut bilangan hari seperti mana hakim-hakim mula diperkenalkan di negara ini.

Lihat muka 20

MENTERI INDONESIA MENGADAP KEBAWAH D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Haji Fuad Hassan, Rabu lepas di Istana Nurul Iman, Jalan Tutong.

Awang Harjono Djoksosradharjo.

Pada hari berikutnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap pegawai pemerintah baru Askar Gurkha yang berpengkal di Seria. Leftenan Kolonel Richad Venning.

Dalam istiadat mengadap itu, Tuan Yang Terutama telah diiringi oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Awang Zuwir Djamal.

TYT Profesor Dr. Haji Fuad Hassan tiba ke negara ini pada 18 Mac dalam rangka lawatan rasmi selama 3 hari. TYT telah diiringi oleh isteri beliau, Ibu Tjiptan-ingruem Fuad Hassan dan Setiausaha Sulit beliau,

Semasa majlis mengadap Pegawai Pemerintah baru itu telah diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Tuan Yang Terutama Francis Cornish dan pegawai pemerintah yang akan bersara, Leftenan Kolonel Nigel Haynes.

Leftenan Kolonel Venning, bekas Pemerintah Akademi Tentera Diraja Sandhurst di England, telah mengambil alih tugas barunya Sabtu lepas. Manakala bekas Pegawai Pemerintah, Leftenan Kolonel Haynes akan memegang jawatan Pengarah Turus Tentera di Maktab Tentera Chamberly di England.

DADAH PEROSAK MASYARAKAT DAN NEGARA



26 MAC, 1986

*Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang*

TANGGUNGJAWAB MENGHORMATI DAN MEMATUHI UNDANG-UNDANG NEGARA

KITA bersyukur kerana Negara Brunei Darussalam telah dapat menikmati suasana keamanan, kemakmuran dan kestabilan ekonomi. Suasana tersebut telah membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam menumpukan sepenuh perhatian dan tenaga ke arah usaha-usaha yang semata-mata bertujuan bagi keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara. Undang-undang juga turut memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana tersebut. Tanpa undang-undang, disiplin sukar dipelihara dan tanpa disiplin keharmonian tidak akan dapat dinikmati yang akhirnya akan membawa kepada keadaan yang tidak tenteram.

Dalam hal ini peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang melaksanakan dan memelihara undang-undang iaitu Kehakiman dan Pasukan Polis Diraja Brunei adalah penting bagi memastikan undang-undang dipatuhi oleh setiap rakyat dan penduduk yang bernaung di negara ini. Kita sendiri, sebagai rakyat yang cintakan keamanan dan ketenteraman juga memainkan peranan yang sama dalam mencapai matlamat bagi menguatkuasakan undang-undang.

Undang-undang digubal dan dikuatkuasakan bukanlah untuk menyekat kebebasan, tetapi adalah sebagai peringatan dan panduan agar sebarang tindak-tanduk dalam kehidupan harian tidak akan bertentangan atau bercanggah dengan kehendak dan amalan bermasyarakat dan bernegara.

Masalah penyalahgunaan dadah umpamanya, jika tidak dikawal dan dicegah boleh membawa

kepada keruntuhan masyarakat dan negara. Menyedari akan kesan buruk ini dan dengan tujuan untuk mencegahnya, maka hukuman yang seberat-beratnya telah dikuatkuasakan iaitu hukuman mati terhadap kesalahan-kesalahan mengedar dadah. Hukuman yang sama juga dikenakan kepada sesiapa yang memiliki senjata api secara haram, tanpa mengira motif memilikinya. Jelasnya, pihak berkuasa tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

Dalam pada itu ada kalanya sikap yang tidak mengindahkan peraturan dan undang-undang juga akan menerima padah yang serta-merta. Pemandu-pemandu yang tidak bertatertib di jalan raya umpamanya seringkali menanggung sendiri akibat dari sikap mereka itu. Seringkali kita dengar atau lihat terjadinya kematian atau cedera parah dalam kemalangan yang sebahagiannya adalah berpunca daripada perbuatan yang tidak mematuhi undang-undang lalu lintas atau tidak bersikap toleransi di jalan raya. Kebimbangan terhadap jumlah kemalangan jalan raya terutama sekali yang mengakibatkan kematian telah menyebabkan Jabatan Pengangkutan Darat memperkenalkan satu bahagian yang dikenali sebagai Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang. Perkhidmatan baru yang ditubuhkan itu akan membantu pihak

polis dalam menguatkuasakan undang-undang lalu lintas. Langkah positif itu amatlah dialukan.

Satu lambaran baru dalam sejarah Undang-Undang Negara Brunei Darussalam telah tercatat pada 1 Januari 1986 apabila kebawah Duli Yang Maha Mulia memperkenankan penguatkuasaan undang-undang negara yang telah disemak semula. Adalah menjadi harapan pihak berkuasa agar edisi tersebut akan memenuhi keperluan-keperluan serta harapan-harapan ikhtisas undang-undang, perkhidmatan awam, masyarakat perniagaan dan orang ramai.

Negara kita baru saja menyambut Tahun Undang-Undang. Bersempena dengan peristiwa tersebut, Pejabat Peguam Negara dan ahli-ahli ikhtisas undang-undang telah membarui azam untuk mempertahankan undang-undang dan ketenteraman. Kita pula sebagai rakyat dan penduduk yang ingin terus hidup dalam suasana yang tenteram dan bahagia patutlah membarui azam dan tekad untuk terus menghormati dan mematuhi undang-undang. Undang-undang dan peraturan negara tidak akan bermakna seandainya kita tidak sama-sama bertanggungjawab menghormati dan mematuhi. Tentunya kehidupan yang aman tenteram adalah menjadi idaman setiap rakyat dan penduduk sesebuah negara.



PERDANA Menteri Thailand, T.Y.T. Prem Tinsulanonda (tengah), Timbalan Perdana Menteri Thailand, T.Y.T. Bhichai Rattakul (kanan sekali), Duta Besar Amerika Syarikat ke Thailand, T.Y.T. Tuan William A. Brown dan Duta Besar Negara Brunei, T.Y.T. Dato Paduka Hamid Jaafar (kiri) berbual mesra di majlis sambutan ulang tahun kedua Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kedutaan Brunei di luar negeri sambut Hari Kebangsaan

TIGA buah kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negeri telah mengadakan sambutan ulang tahun kedua Hari Kebangsaan negara kita yang jatuh pada 23 Februari.

Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Bangkok mengadakan sambutan tersebut pada hari Isnin 24 Februari di Lertwanalai Ball Room Hilton International Bangkok Hotel.

Antara tetamu kehormat yang hadir di majlis tersebut termasuklah Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prem Tinsulanonda; Timbalan Perdana

Menteri, Tuan Yang Terutama Bhichai Rattakul dan wakil-wakil kedutaan asing di Thailand.

Kedutaan kita di Washington meraikan sambutan ulang tahun kedua Hari Kebangsaan tersebut di Hotel Ritz-Carlton. Antara yang hadir termasuklah pegawai-pegawai perwakilan tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Awang Haji Omar bin Haji Serudin.

Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Kaherah pula

meraikan sambutan tersebut di Aida Ball Room, Marriott Hotel.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 300 orang tetamu yang terdiri dari ketua-ketua perwakilan dan para diplomat asing di Kaherah.

Turut juga hadir di majlis tersebut ialah pegawai-pegawai dari Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri Mesir.

Di samping itu penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam yang menuntut di Universiti Al-Azhar, Mesir juga telah mengadakan majlis yang sama pada 24 Februari yang lalu. Majlis tersebut diadakan di Prince Ball Room, Sonesta Hotel Kaherah.

Kira-kira 120 orang termasuk pegawai-pegawai Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Kaherah serta keluarga mereka dan ketua-ketua Persatuan Pelajar dari negara-negara ASEAN menghadiri majlis tersebut.

Duta Negara Brunei Darussalam di Kaherah, Tuan Yang Terutama Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor menjadi tetamu kehormat di majlis tersebut.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Washington, T.Y.T. Pg. Heji Idris bergambar ramai bersama-satu pegawai kedutaan.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Kaherah bergambar bersama para duta dari negara ASEAN bersama isteri masing-masing.



SEBAHAGIAN dari penuntut Brunei di Kaherah bergambar ramai bersama dengan Duta Brunei ke Republik Mesir, T.Y.T. Malai Haji Ahmad Murad.

Pertandingan Quran Mualaf

SERIA. — Pertandingan Membaca Al-Quran bagi mualaf di seluruh negeri akan diadakan di Dewan Pejabat Daerah Seria pada hari Ahad, 30 Mac mulai jam 1.00 petang. Seramai 14 orang peserta akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan tersebut dianjurkan bersama oleh Jawatankuasa Tabung Derma Pelarian Islam Afghanistan, Palestin dan Mangsa-Mangsa

Kebuluran dan Pejabat Ugama Kuala Belait.

Pengarah Pusat Dakwah, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman akan menjadi tetamu kehormat di majlis tersebut.

Setiausaha Jawatankuasa pertandingan tersebut mempersilakan orang ramai untuk menyaksikan pertandingan tersebut.

KEMPEN ANTI DADAH MENDAPAT SAMBUTAN

GADONG. — Kempen Anti Dadah di negara ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua peringkat berikutan dengan pelancaran kempen tersebut dan pameran serta ceramah yang bermula pada hari Sabtu lepas.

Kempen yang bertemakan 'DADAH PEROSAK MASYARAKAT DAN NEGARA' adalah sesuai dengan penglibatan semua rakyat dan penduduk negara ini ke arah membasmi dan menghapuskan penyalahgunaan dadah.

Sambutan-sambutan yang menggalakkan itu adalah ekoran daripada ceramah-ceramah mengenai bahaya-bahaya dari penyalahgunaan dadah dan pameran yang menggambarkan pengajaran-pengajaran yang manfaat mengelakkan seseorang itu terlibat ke lembah pengunaanannya.

Oleh: Dk. Fatimah PHMN

Menurut Pengerusi Kempen Anti Dadah, Datin Masni binti Haji Ali, Kempen Anti-Dadah yang baru dilancarkan itu akan berjalan selama setahun merupakan sumbangan dan penyertaan Brunei Darussalam dalam projek ASEAN iaitu "ASEAN DRUG PREVENTION CAMPAIGN" di mana semua negara-negara anggota ASEAN bersepakat mengadakan Kempen Anti Dadah di negara masing-masing dengan bertukar bahan-bahan yang digunakan dan idea.

Tujuan utama projek itu untuk memberi kesan-kesan yang maksima dalam usaha yang bersatu terhadap memerangi dadah.

Semua enam orang penceramah-penceramah jemputan termasuklah dari Amerika Syarikat dan negara

ini menyampaikan ceramah-ceramah yang berkaitan dengan bahaya-bahaya penyalahgunaan dadah. Antaranya ialah Timbalan Penguasa Polis, Dyg Hajjah Intan binti Haji Kassim yang menyampaikan ceramahnya bertajuk 'Apa dia dadah dan keadaannya di negara ini'. Penceramah yang lain ialah Dr. Lim Yun Chin dari Kementerian Kesihatan Singapura dan Mohammad Zawawi bin Salleh dari Pasukan Petugas-Petugas Anti Dadah Malaysia, Pegawai Narkotik Sekretariat Asean dari Jakarta, Kolonel Jeanne Mandagi dan Profesor Milkman dari Amerika Syarikat.

Ceramah-ceramah yang dihadiri oleh penuntut-penuntut sekolah, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai yang berkaitan dengan pembasmian, pengawalan dan penerangan mengenai penyalahgunaan dadah dan pemimpin-pemimpin belia dari Daerah Brunei-Muara kebanyakannya dilangsungkan di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah di Gadong.

Sementara itu pameran-pameran yang menggambarkan bahaya-bahaya dadah, pengawalannya telah disertai oleh negara-negara Asean, Amerika Syarikat, Australia dan Britain.

Kempen itu bertujuan untuk memberi sepenuh maklumat dan penerangan kepada orang ramai sama-sama menyedari tentang bahaya dadah dan kesan buruknya ketagihan dadah termasuk penyalahgunaan penyiruk gam di kalangan muda-mudi dan juga semamata pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menjelang tahun baru.

Adalah diharapkan agar kempen yang dilancarkan ini akan memberi pengajaran bahkan menjadi satu amaran bagi rakyat terutama muda-mudi di negara ini dalam menjauhkan diri dari terjerat dalam cengkaman ketagihan dadah.



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan mendengarkan penerangan mengenai jenis dadah yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja Brunei. — Gambar oleh Pengiran Kamaluddin.



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam sedang memotong pita menandakan bermulanya Pameran Kempen Anti Dadah. — Gambar oleh Pengiran Kamaluddin.



TIMBALAN Penguasa Polis, Dayang Hajjah Intan binti Haji Kassim ketika menyampaikan ceramahnya bertajuk 'Apa dia dadah dan keadaannya di Negara Brunei Darussalam'. — Gambar oleh Abd. Halim Sulaiman.



SEBAHAGIAN daripada penuntut-penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin ketika mendengarkan ceramah mengenai dadah bertempat di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah, Gadong. — Gambar oleh Abd. Halim Sulaiman.

Peraduan Melukis Poster sempena Kempen Anti Dadah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Kempen Anti-Dadah kini sedang menganjurkan Peraduan Melukis Poster bagi penyeritaan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta penduduk tetap negara ini.

Peraduan ini terbuka kepada penuntut-penuntut tingkatan satu hingga lima, pelajar-pelajar maktab

teknik, institut pendidikan dan Universiti Brunei Darussalam.

Peraduan tersebut bertepatan 'Dadah Perosak Masyarakat dan Negara' dan dibahagikan kepada tujuh bahagian, iaitu Bahagian (i) bagi penuntut tingkatan satu, Bahagian (ii) bagi penuntut tingkatan dua, Bahagian (iii) bagi penuntut tingkatan tiga, Bahagian (iv) bagi penuntut tingkatan empat, Bahagian (v) bagi penuntut tingkatan

lima, Bahagian (vi) bagi pelajar tingkatan enam, Maktab Teknik dan Institut Pendidikan, manakala Bahagian (vii) ialah bagi pelajar Universiti Brunei Darussalam.

Poster mestilah berukuran 16" x 22" dan dilekatkan di atas kertas tebal (mounting paper), manakala di sebelah belakangnya hendaklah dibubuh nama penuh, tingkatan, serta sekolah/maktab/institut. Ianya juga hendaklah karya asal daya imaginasi dan bukan ditiru dari buku dan sebagainya.

Borang penyertaan bagi peraduan ini boleh diperolehi dari Penyambut Tetamu di Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama Berakas atau di sekolah-sekolah, maktab dan institusi dan hendaklah dihantar ke Jawatankuasa Kecil Pelajaran (Kempen Anti-Dadah) di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, tidak lewat dari 15 Julai, 1986.

Hadih-hadih akan diberikan kepada tiga pemenang utama untuk tiap-tiap bahagian dan keputusan panel hakim adalah muktamad.

Peraduan menulis esei

BERAKAS. — Jawatankuasa Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan sedang menganjurkan Peraduan Esei yang bertajuk 'Dadah Perosak Masyarakat dan Negara'.

Peraduan tersebut terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap negara ini yang dibahagikan kepada lapan bahagian terdiri daripada penuntut-penuntut yang belajar dari tingkatan satu hingga enam, Maktab Teknik, Universiti Brunei Darussalam dan orang awam (orang-orang yang tidak menuntut di

maktab atau institusi-institusi yang disebutkan di atas).

Borang-borang dan keterangan lanjut bolehlah didapati daripada Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kementerian Pelajaran dan Kesihatan di Lapangan Terbang Lama Berakas.

Bagi penyeritaan penuntut-penuntut sekolah borang-borang penyertaan bolehlah didapati di Pejabat Pengetua sekolah masing-masing.

Tarikh tutup penyeritaan ialah pada 15 Julai, 1986.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-321

WANITA HAMIL SEBELUM NIKAH (Siri ke-6)

Taubat:

Syarat kedua: Perempuan yang berzina itu bertaubat dari zina sebelum ia bernikah, ini telah dikatakan oleh Qutadah dan Ishak dan Abu 'Ubad dan berkata Al-Imam Imam Abu Hanifah dan Malik dan Ash-Shafieci tiadalah disyaratkan perempuan berzina itu bertaubat sebelum ia nikah, kerana telah diriwayatkan bahawa Sayidina Umar telah memukul (jilid) seorang laki-laki dan seorang perempuan kerana keduanya telah melakukan zina dan Sayidina Umar bersungguh-sungguh hendak menghimpunkan di antara keduanya (nikah) tapi laki-laki itu enggan dan telah diriwayatkan bahawa seorang laki-laki telah menanya sahabat Ibnu Abbas dalam perkara nikah dengan perempuan berzina, jawabnya: Harus, adakah awak fikir jikalau ia mencuri buah anggur dari pokok anggur kemudian ia beli anggur itu adakah ia harus beli anggur itu?

Katanya menjawab lawannya: Bagi kita firman Allah yang bermaksud: *Laki-laki yang berzina (lazimnya) tidak ingin berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan musyrik dan perempuan yang berzina itu pula (lazimnya) tidak ingin*

berkahwin melainkan dengan lelaki yang berzina atau lelaki musyrik dan perkahwinan yang demikian itu terlarang kepada orang-orang yang beriman. (Surah An-Nuur ayat 3). Perempuan yang berzina sebelum ia bertaubat adalah hukumnya seperti keadaan berzina dan apabila ia bertaubat maka gugurlah keadaan berzina itu, menurut sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang artinya: *Yang bertaubat dari dosa seperti orang yang tiada berdosa.*

Dan sabdanya yang bermaksud: *Taubat itu menghapuskan dosa.* Dan telah diriwayatkan bahawa Marthad telah masuk negeri Mekah dan ia melihat perempuan sundal bernama 'Inaq', 'Inaq' mengajak dia berzina, tetapi Marthad enggan, manakala Marthad sampai ke Madinah, dia bertanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam katanya: Adakah saya boleh kahwin dengan 'Inaq', Rasulullah tiada menjawab, maka turun firman Allah Taala yang tafsir ringkasnya: *Laki-laki yang berzina itu tiadalah ia nikah melainkan ia nikah akan perempuan yang berzina atau perempuan musyrikah dan perempuan yang berzina tiadalah menikah akan dia melainkan laki-laki yang ber-*

zina atau laki-laki musyrik yakni yang munasabah bagi masing-masing daripada laki-laki berzina dan perempuan berzina itu apa yang telah tersebut itu (Tafsir Al-Jalalain). Maka Rasulullah memanggil Marthad dan membacakan ayat ini kepadanya dan sabdanya yang bererti: *Jangan kamu nikah dengannya dan kerana perempuan itu selagi ia menyundal maka tiadalah dibolehkan perempuan itu menyambung kepadanya nasab budak yang hasil daripada laki-laki yang lain dan tiadalah diizinkan dia merosakkan tikarnya, adapun hadis Umar itu, maka yang zahimnya bahawa ia telah taubatkan perempuan itu dan hadis Ibnu Abbas tiadalah menyatakan sesuatu dan tiada menyentuh perkara yang ditengharkan itu.*

Apabila sabit ini, maka iddah perempuan berzina seperti iddah perempuan yang dicerai, kerana ia itu mengosongkan rahim perempuan merdeka, maka ia sebagai iddah perempuan yang diwati dengan syubhat dan telah dihiyakan oleh Ibnu Abi Musa bahawa perempuan berzina itu diistibra'kan sekali haid, kerana ia bukan nikah dan bukan seperti nikah, hanya ia

sebagai istibra' Ummul Walad apabila ia dimerdekakan.

Adapun taubat dari zina ialah istighfar (minta ampun) dan menyesal dan berhenti dari zina itu, seperti bertaubat dari lain-lain dosa.

Katanya: Apabila ada dua syarat ini, maka halallah nikah perempuan itu dengan laki-laki yang berzina dan laki-laki yang lain, menurut perkataan kebanyakan ahli ilmu, setengah daripada mereka ialah Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar dan anaknya (Ibnu Umar) dan Ibnu Abbas, dan Jabir bin Zaid, dan 'Ata', dan Al-Hassan, Ikrimah, Az-Zuhri, Al-Thauri, Ash-Shafieci, Ibnu Al-Mundzir dan Ashabul Ar-Ra'yi.

Telah diriwayatkan daripada sahabat Ibnu Masud, dan Al-Barau bin 'Azib, dan Aishah bahawa perempuan yang berzina itu tiadalah halal kepada laki-laki yang berzina sama sekali, mereka berkata: Keduanya berzina selagi keduanya bercampur (lepas nikah), ialah menurut umum ayat Quran dan hadis-hadis.

Dan boleh dihihtimalkan bahawa yang mereka maksudkan dengan yang demikian itu ialah akan keadaan sebelum bertaubat atau

sebelum istibra' perempuan yang berzina itu, maka jadi ihtimal itu seperti perkataan kita, adapun memgharamkan nikah perempuan yang berzina itu dengan cara itlaq, maka tiadalah betul, ialah menurut firman Allah Taala yang telah lalu tafsirannya, dan kerana perempuan yang berzina itu halal kepada yang lain daripada laki-laki yang berzina, maka dari itu



halallah perempuan itu kepada laki-laki yang berzina, sebagaimana halal ia kepada laki-laki yang tiada berzina, tamat katanya.

WALLAHUAKLAM
Bersambung.....

GADIS FILIPINA MEMELUK ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis pengislaman telah dilangsungkan bagi seorang gadis Filipina pada 8 Mac lalu bertempat di rumah Awang Haji Saim bin Abu, Jalan Sungai Akar, Brunei Darussalam.

Dayang Haydee Argueza atau sekarang dikenali sebagai Dayang Ummi Khalthum binti Abdullah berusia 27 tahun telah melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abd. Ghani, seorang Guru Ugama dari Pusat Dakwah Islamiyah, Kampung Pulaie.

Hadir sama di majlis tersebut terdiri dari Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar. Ianya telah diakhiri dengan bacaan doa selamat.



YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan; YDM Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwah Ugama dan YDM Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah ketika hadir di majlis pengislaman tersebut — Gambar ihsan oleh JHEU.



DAYANG Ummi Khalthum binti Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abd. Ghani, seorang Guru Ugama dari Pusat Dakwah Islamiyah — Gambar ihsan oleh JHEU.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 26 Mac, 1986 hingga ke hari Selasa 1 April, 1986 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Mac												
26	12.28	3.31	3.32	6.29	6.30	7.39	7.40	5.13	4.58	5.14	6.22	6.23
27	12.28	3.30	3.31	6.29	6.30	7.38	7.40	5.13	4.57	5.13	6.22	6.22
28	12.28	3.29	3.30	6.29	6.30	7.38	7.40	5.13	4.57	5.13	6.22	6.22
29	12.27	3.28	3.29	6.29	6.30	7.38	7.39	5.11	4.56	5.12	6.20	6.21
30	12.27	3.27	3.28	6.29	6.30	7.38	7.39	5.11	4.56	5.12	6.20	6.21
31	12.27	3.26	3.27	6.29	6.30	7.38	7.39	5.10	4.55	5.11	6.19	6.20
April												
1	12.27	3.25	3.26	6.28	6.29	7.38	7.39	5.10	4.55	5.11	6.19	6.20

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

7 orang hadiri Ujian Kepimpinan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai tujuh orang pegawai kanan perempuan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik di sini telah menghadiri Ujian Kepimpinan pada hari Selasa lalu.

Ujian Kepimpinan di hari tersebut telah dikendalikan di bawah pengawasan seorang Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Letrik, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.

Antara tujuan Ujian Kepimpinan itu dijalankan ialah untuk menguji sejauh

mana kebolehan dan kemahiran serta ketahanan para peserta dalam menjalankan segala tugas-tugas rasmi harian mereka.

Dalam hubungan ini, para peserta telah didedahkan dengan membuat empat kerja dalam bidang praktikal. Ini termasuklah menyeberangi sungai yang lebarnya 12 kaki dengan menggunakan dua keping papan.

Di samping itu, para peserta juga melakukan kerja-kerja memindahkan sebatang pokok yang tumbang dengan menggunakan tali dan tiang kayu.

IBU BAPA DISERU PERHATIKAN PELAJARAN ANAK-ANAK

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Salah satu daripada tujuan perkahwinan dalam Islam ialah untuk memperolehi anak, dengan adanya anak, kehidupan suami isteri akan lebih kukuh dan lebih aman. Tetapi memperolehi anak sahaja tentulah tidak mencukupi sekiranya tanggungjawab terhadap anak itu tidak dilaksanakan.

Salah satu tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak mereka ialah memberikan pelajaran yang secukupnya kepada anak-anak itu. Ibu bapa tentu akan merasa kesal sekiranya anak-anak mereka tidak berjaya mencapai taraf yang sepatutnya dalam persekolahan mereka. Dan sebaliknya ibu bapa tentu akan merasa gembira dan berbangga sekiranya anak-anak mereka mendapat pelajaran yang secukupnya dan seterusnya menjadi orang yang berguna apabila telah dewasa, kerana kepada anak-anak itulah ibu bapa meletakkan harapan dan masa depan mereka. Anak-anak itulah yang akan menolong bantu

mereka apabila telah tua dan sudah tidak berdaya untuk mencari penghidupan.

Di dalam peperiksaan di tahun lepas di mana keputusan telah dikeluarkan baru-baru ini dapat kita simpulkan bahawa masih banyak penuntut-penuntut kita yang tidak lulus dalam peperiksaan tersebut. Atau masih terdapat penuntut-penuntut yang tidak memperolehi kelulusan-kelulusan yang dikehendaki oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tingkat yang lebih tinggi lagi.

Kemunduran kanak-kanak di negeri ini dalam bidang pelajaran patutlah disedari oleh semua pihak dan golongan masyarakat serta patutlah diambil tindakan segera dan dijalankan usaha-usaha yang berkesan untuk mengatasinya.

Pihak ibu bapa khususnya hendaklah sama-sama bertanggungjawab terhadap kemajuan pelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa sepatutnya tidak hanya berpeluk tubuh sahaja dan cuba meletakkan kesalahan sepenuhnya kepada pihak sekolah dan lain pihak yang bertanggungjawab dalam pelajaran, iaitu dengan jalan

mendorong anak-anak mereka supaya belajar dengan tekun dan bersungguh-sungguh di samping memberikan keadaan sekeliling yang sihat kepada anak-anak itu untuk menumpukan sepenuhnya perhatian kepada pelajaran mereka.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa masih banyak ibu bapa yang tidak mengambil berat langsung terhadap pelajaran anak-anak mereka. Ada di antara ibu bapa yang tidak mengenal nama guru besar sekolah anak-anak mereka dan di mana letak sekolah itu. Bahkan kadang-kadang mereka langsung tidak mengetahui apa yang anak-anak mereka pelajari di sekolah atau bilangan berapa anak-anak mereka dalam peperiksaan akhir tahun. Pendeknya ibu bapa dari golongan ini menyerahkan bulat-bulat hal-ehwal pelajaran anak-anak mereka kepada pihak sekolah.

Sebenarnya sikap serupa ini sudah tidak layak wujud dalam sebuah masyarakat yang inginkan kemajuan seperti masyarakat kita di Brunei pada hari ini. Kemajuan sebuah masyarakat tidak akan dapat dicapai melainkan

dengan pelajaran yang sempurna dan perasaan tanggungjawab dalam diri setiap orang anggotanya.

Dalam masalah pelajaran kanak-kanak, ibu bapalah yang sepatutnya mengambil peranan penting, kerana anak-anak lebih banyak menghabiskan masa mereka di rumah dan di samping keluarga. Masa enam jam setiap hari yang dihabiskan oleh kanak-kanak di sekolah tentulah tidak mencukupi untuk memberi peluang kepada pihak sekolah dan guru-guru untuk membimbing dan mengasuh setiap orang kanak-kanak itu secara perseorangan iaitu secara seorang demi seorang.

Pihak ibu bapalah yang lebih mampu memberikan bimbingan dan asuhan kepada anak-anak mereka dengan lebih berkesan. Ibu bapalah yang lebih mampu menilai kemajuan pelajaran anak-anak mereka, kerana hubungan mereka dengan anak-anak itu tentulah rapat daripada perhubungan anak-anak itu dengan guru-guru dan pihak sekolah. Dengan adanya hubungan rapat yang disertai dengan kasih sayang ini, akan mudalah tugas ibu bapa pada mengasuh dan



mendidik anak-anak mereka, bukan sahaja dalam lapangan pelajaran tetapi juga dalam lapangan budi pekerti dan peribadi.

Oleh itu, ibu bapa adalah diseru supaya mengambil berat terhadap pelajaran anak mereka, kerana dengan jalan inilah sahaja mutu pelajaran di negara ini akan dapat

dipertingkatkan dan seterusnya pembangunan dan kemajuan negara akan berjalan dengan pesat dan lancar, marilah kita bersempena hari yang berkat ini sama-sama menadah tangan supaya anak kita yang akan menghadapi peperiksaan ini akan datang memperolehi kejayaan yang dicita-citakan, bagi faedah ugama, bangsa dan tanahair.

MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI

KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Kherah telah mengadakan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan kerjasama Persatuan Persahabatan Brunei/Mesir bagi tahun 1985.

Majlis tersebut telah diadiri oleh Fadhilah Assheikh Imam Al-Akbar Jadel Haq Ali Jadel Haq, Sheikh Al-Azhar; Tuan Yang Terutama Dr. Alahmadi Abu Noor, Menteri Waqf Mesir. Tuan Yang Terutama Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor, Duta Besar Negara Brunei Darussalam, Dr. Assadi Farhud, Ketua Universiti Al-Azhar serta ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Persahabatan Brunei/Mesir

serta pegawai-pegawai kedutaan dan penuntut-penuntut Brunei di Mesir.

Tuan Yang Terutama Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor, Duta Besar Negara Brunei Darussalam telah memberikan ucapan alu-aluan di majlis tersebut. Turut berucap termasuklah Fadhilah Assheikh Imam Al-Akbar Sheikh Al-Azhar dan Tuan Yang Terutama Dr. Alahmadi Abu Noor, Menteri Waqf Mesir.

Acara majlis pada hari tersebut telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Ak. Haji Ismail bin Pengiran Haji Tuah, salah seorang penuntut Brunei di Mesir.

Menuju keredaan Allah

KITA telah sedia maklum dan ketahui bahawa bahawa lisan (lidah) itu besar sekali dan manusia tidak akan selamat dari bahaya ini melainkan dengan bertutur kata yang baik.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Yang bererti: *Tiada akan lurus keimanan seorang hamba, sehingga lurus pula hatinya, dan tiada akan lurus*

hatinya sehingga lurus pula lidahnya, dan seseorang hamba tidak akan memasuki syurga, selagi tetangganya belum aman dari kejahatannya.

Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam lagi yang bermaksud: *Jagalah lidahmu kecuali bila berkata yang baik, dengan berlaku demikian engkau akan mengalahkan syaitan.*

Terdapat beberapa punca menyebabkan bencana pada lisan antaranya: Berkata yang tidak perlu: Modal seseorang hamba itu ialah waktunya selagi ia

menghabiskan waktunya pada perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah atau menguntungkan pahala di akhirat maka orang itu telah mensia-siakan modalnya.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: *Di antara kebagusan Islam seseorang ialah meninggalkan apa yang tiada sangkut paut dengan dirinya.*

Sebabnya berlaku demikian ialah keinginan seseorang untuk mengambil tahu terhadap sesuatu yang tidak perlu ia tahu ataupun menghabiskan masa dengan menceritakan hal-ehwal yang tiada faedah baginya. Penawar bagi penyakit ini ialah seseorang itu hendaklah mengetahui setiap nafas yang diembuskannya itu adalah modalnya manakala lidahnya adalah sebagai jaringan, yang mana dengannya ia akan memburu segala kebaikan yang berbagai-bagai.

Keduanya: Mengambil tahu tentang hal orang lain iaitu mencampuri urusan orang lain yang tiada kena mengena dengan dirinya.

Melibatkan diri dengan kebatilan juga menjadi punca bencana lisan iaitu berbual-bual dalam hal yang berkaitan dengan maksiat seperti menceritakan hal dan keadaan perempuan, menceritakan tentang parti, minuman arak dan sebagainya.

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: *Sebesar-besar dosa seseorang di hari Kiamat ialah orang yang*

banyak melibatkan diri dalam perkara-perkara kebatilan.

Perbuatan berbantah-bantah dan bertengkar-tengkar juga terlarang dalam ugama. Sifat suka berbantah-bantah ini menganggu percakapan orang lain dengan melahirkan kekurangan dalam percakapan mereka sama ada dalam lafaz ataupun dalam maksud percakapannya.

Jalan untuk meninggalkan sifat berbantah ini dengan menjaga diri supaya tidak mengingkari orang lain atau membantahnya. Setiap percakapan yang kita dengar jika dia dari yang benar hendaklah kita mempercayainya tapi jika dia dari yang dusta atau salah sedangkan tiada sangkut paut dengan urusan ugama maka hendaklah kita mendiamkan diri.

Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam: *Tiada akan sempurna hakikat keimanan seseorang sehingga ia meninggalkan berbantah-bantah, sekalipun apa yang diperbantahkan itu ialah kebenaran.*

Untuk menjaga lidah supaya selamat dan beroleh keredaan dari Allah Subhanahu Wataala dunia dan akhirat jauhlah daripada memperkatakan atau membuat perkara-perkara yang boleh mendatangkan bencana pada lidah sebagaimana yang disebutkan tadi. Sekian Wabilahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabaraka-tuh.

BERKURSUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sembilan orang pegawai dan anggota pangkat rendah dari Pasukan Polis Diraja Brunei kini berada di Amerika Syarikat untuk menghadiri satu kursus selama dua minggu di berbagai cawangan polis, di Washington.

Mereka ialah Timbalan Penguasa Polis, Haji Abd. Rahim bin Haji Mohd. Jaafar, Inspektor Abd. Wahid bin Haji Yahya, Inspektor Pengiran Zamani bin Pengiran Haji Ahmad, Sarjan Isa bin Besar, Sarjan Abdullah bin Jamaluddin, Koprak Mohd. Deli bin Tahir, Koprak Sembilan bin Jalut, Koprak Ibrahim bin Haji Yamin dan Koprak Mazin bin Tinggal.



PENGENALAN gambar dari kiri TYT Dr. Alahmadi Abu Noor, Menteri Waqf Mesir (selaku Yang Dipertua Persatuan), Yang Berbahagia Fadhilah Assheikh Al-Azhar Jadel Haq, TYT Malai Haji Ahmad Murad, Duta Besar NBD, Counsellor Farid Quonsuah dan Dr. Abd. Wadud Shalaby (Ahli J/Kuasa Persatuan).



YANG Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei selaku tetamu kehormat beserta para jemputan yang lain hadir di Musabaqah Membaca Al-Quran antara jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Belait. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

MENYALAHGUNAKAN KUASA DIANGGAP PENIPU

Oleh: Bolhassan HAB

KUALA BELAIT. — Petunjuk-petunjuk Al-Quran adalah sebaiknya sebagai dasar dalam perkhidmatan yang mana melahirkan rajin, jujur, ikhlas, dedikasi dan penuh bertanggungjawab menurut daya dan upaya masing-masing.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei, ketika berucap merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Antara Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Belait bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada malam Ahad lepas.

"Oleh kerana petunjuk-petunjuk Al-Quran itu

datangnya dari Allah Subhanahu Wataala yang maha mengetahui segala keperluan dan kepentingan umat manusia demi untuk kebaikan dan kebahagiaan mereka bukan sahaja hidup di dunia malahan juga untuk hidup di akhirat. Maka petunjuk-petunjuk Al-Quran itu adalah sebaik-baik petunjuk yang sepatutnya, bahkan sewajibnya diikuti oleh setiap orang."

Menyentuh tentang tema peraduan yang berbunyi 'Berkhidmat Dengan Petunjuk Al-Quran', Yang Dimuliakan Pehin menyatakan bahawa perkhidmatan yang didasarkan atas petunjuk-petunjuk Al-Quran pasti akan membuahkan faedah-faedah yang baik lagi berkesan sama ada bagi orang yang berkhidmat itu atau orang-orang yang menerima perkhidmatan.

Al-Quran memberi petunjuk bahawa satu-satu jawatan atau pekerjaan yang disandang oleh seorang pegawai atau kakitangan kerajaan itu adalah sebagai satu nikmat dan amanah, nikmat wajib disyukuri dan amanah wajib disempurnakan dengan sebaik mungkin.

"Sebaik mungkin kenalah seseorang itu bekerja dengan rajin, jujur, ikhlas, dedikasi dan penuh bertanggungjawab menurut daya dan upaya masing-masing," katanya.

Yang Dimuliakan Pehin menambah jika menyalahgunakan kuasa atau cuba menggelapkan wang majikan pastilah ia seorang pegawai atau kakitangan kerajaan yang dianggap oleh Al-Quran sebagai penipu.

"Seorang penipu akan dimasukkan oleh Allah ke dalam neraka di akhirat kelak."

Yang Dimuliakan Pehin juga menyentuh mengenai perubahan Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah Kadi Nombor 20, 1955. Berdasarkan pindaan undang-undang tersebut yang telah mula berkuatkuasa sejak 1

Januari tahun ini, namanya telah dipinda menjadi Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Katanya semua hukuman-hukuman denda bagi tiap-tiap kesalahan di dalam akta tersebut telah dinaikkan seperti hukuman penjara terus dikekalkan sebagaimana yang sedia ada.

Kalau hukuman denda bagi kesalahan melakukan khawla misalnya dalam undang-undang sebelum dipinda sebanyak \$100.00 bagi kesalahan pertama maka sekarang sesudah dipinda ia telah dinaikkan menjadi \$1,000.00. Begitulah seterusnya dengan lain-lain hukuman denda dalam akta tersebut.

Kenaikan hukuman denda ini dibuat bagi menyesuaikan keadaan dan taraf hidup mas kini yang jauh lebih meningkat dari beberapa dekad yang lalu dan untuk menegakkan lagi kawalan terhadap perbuatan-perbuatan maksiat di negara ini, tambah Yang Dimuliakan Pehin.

Terdahulu sebelum itu Pengerusi Jawatankuasa Peraduan Membaca Al-Quran Antara Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Belait, Awang Hassan bin Louis telah memberikan ucapan alu-aluan.

Pertandingan pada malam tersebut telah diserikan lagi dengan persembahan Qasidah oleh Cikgu Abdul Rahman bin Haji Abdul Malik.

Dalam pertandingan tersebut Awang Haji Hassan bin Bakar mewakili Jabatan Kastam dan Eksais dan Dayang Siti Minah binti Dollah yang mewakili Pejabat Kerja Raya, masing-masing telah muncul sebagai johan qari dan qariah.

Pemenang kedua bahagian qari telah dimenangi oleh Awang Mohd. Walli bin Awang Hassan, mewakili Pejabat Kerja Raya, dan tempat ketiga ialah Awang Zulkifli bin Dollah yang mewakili Pejabat Perubatan dan Kesihatan.

Manakala bahagian qariah, pemenang kedua disandang oleh Dayang Rosinah bte Haji Abd. Hamid mewakili Pejabat Ukur dan pemenang ketiga ialah Dayang Hajah Norsiah bte Pengiran Haji Zainal yang mewakili Pejabat Tanah.

Hadih-hadih bagi pemenang-pemenang di pertandingan tersebut telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei.

Turut hadir di majlis malam itu ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin dan Kadi Daerah, Awang Haji Salim bin Haji Besar serta pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di daerah tersebut.

Musabaqah Membaca Al-Quran Antara Jabatan-Jabatan Kerajaan, Daerah Belait ini telah diselenggarakan bersama oleh Pejabat Daerah Belait dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Belait.

Pembangunan lahiriah dan rohaniah perlu diseimbangkan

Oleh Abd. Karim HAB

BERAKAS. — Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad mengingatkan bahawa pembangunan negara adalah tanggungjawab setiap individu tanpa mengira tugas dan bidang masing-masing.

Bagaimanapun katanya, dalam melaksanakannya janganlah hanya mementingkan pembangunan lahiriah atau rohaniah sahaja malah kedua-dua perlulah diseimbangkan dan seiring jalan.

Menurutnya, jika semua orang faham dan ikhlas melaksanakannya, pembangunan negara ini ke arah yang dicita-citakan insya-

Allah akan tercapai dengan baik dan sempurna.

Yang Dimuliakan Pehin menyatakan perkara itu selaku tetamu kehormat di Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Separuh Akhir Peringkat Negara di Dewan Pahlawan Berakas Garrison pada malam Sabtu lepas.

"Dari negara-negara luar kita dapat mengambil pelajaran di mana negara-negara yang hanya mementingkan kemajuan tanpa memedulikan kemajuan rohaniah, hidup rakyatnya kucar-kucir. Pembunuhan terjadi di mana-mana, hidup mereka tidak

berpedoman dan liar hingga tidak dapat di kawal," ujarnya.

Tambahnya, keadaannya demikian itu tentunya kita tidak ingin berlaku di negara ini.

Tegasnya lagi, kecuaian dari segi lahiriah akan nampak kemundurannya dan kecuaian dari segi rohaniah pula akan lebih bahaya lagi yang akan menimbulkan keburukan-keburukan yang antara lain kemerosotan akhlak, kemerosotan cara berfikir, kemerosotan cara hidup, sifat-sifat ganas, liar dan penyalahgunaan dadah.

Katanya, oleh itu semua pihak hendaklah menjauhi dan berusaha mengatasi gejala-gejala buruk itu.

"Cara yang paling mudah dan berkesan ialah dengan mengikut ajaran agama Islam yang maha suci iaitu berdasarkan petunjuk-petunjuk Al-Quran," tegas beliau.

Bagi pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin mengulangi ikrar seluruh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan terus berjuang mempertahankan negara ini, dengan tidak

melayakkan diri ke peringkat akhir. Mereka ialah Pg. Abd. Wahab bin Pg. Haji Omar dan seorang peserta perempuan iaitu Dayang Hajjah Siti Arbi bte Haji Libut.

Kelapan-lapan orang peserta itu dipilih dalam pertandingan separuh akhir yang berlangsung selama dua malam berturut-turut di Dewan Pahlawan, Berakas Garrison. Seramai 29 orang peserta memperdengarkan bacaan mereka di mana pada malam pertama 16 orang dan 13 orang pula memperdengarkan bacaan mereka pada malam kedua.

Hadih-hadih pada malam itu telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Awang Sulaiman bin Haji Damit, Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ketika berucap.

melupakan soal-soal keagamaan dan kebajikan.

"Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang matlamat utamanya ialah mempertahankan negara dari dicero bohi oleh musuh yang datang dari luar dan dalam negeri akan terus berjuang dan mempertahankan negara yang tercinta ini dengan sentiasa bersiap dan mengekalkan ketahanannya di samping itu akan tetap tidak melupakan soal-soal keagamaan dan kebajikan," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

8 peserta dipilih ke peringkat akhir membaca Al-Quran

Oleh: Ahat Haji Ismail

BERAKAS. — Lapan orang peserta iaitu empat peserta lelaki dan empat peserta wanita terpilih memasuki peringkat akhir Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa yang akan berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara di sini bulan depan.

Mereka yang terpilih memasuki peringkat akhir nanti ialah peserta lelaki Awang Wasli bin Haji Abu Bakar, Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji, Awang Haji Suhailee bin Haji Abd. Latif dan Pg. Abd. Wahab bin Pg. Haji Omar. Manakala Peserta wanita terdiri dari Dayang Jamilah bte Abd. Manaf, Dayang Hajjah Siti Arbi bte Haji Libut, Dk. Hajjah Saadiah bte Pg. Haji Tuah dan Dk. Hajjah Salbiah bte Pg. Haji Mohd. Salleh.

Berdasarkan dengan keputusan tersebut bermakna pada tahun ini terdapat dua muka baru yang berjaya



YANG Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Awang Sulaiman bin Haji Damit, Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menyampaikan hadiah kepada Awang Wasli bin Haji Abu Bakar.

Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia lawat ke Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Haji Fuad Hassan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia telah mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari ke negara ini bermula dari 18 hingga 21 Mac yang lalu.

Dalam lawatan tersebut, TYT telah diiringi oleh Ibu Tjptaningrum Fuad Hassan dan Setiausaha Sulit TYT, Awang Harjono Djoksosradiharjo.

Sepanjang berada di sini Tuan Yang Terutama telah berkesempatan mengadakan lawatan ke beberapa buah pusat pengajian tinggi di negara ini.

Universiti Brunei Darussalam merupakan tem-

pat pertama yang dilawati oleh TYT. Semasa mengadakan lawatan ke sini TYT telah diberikan taklimat mengenai perkembangan UBD yang disampaikan oleh Timbalan Naib Chancellor Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Tuan Yang Terutama telah menyumbangkan sejumlah lebih 60 buah buku pendidikan untuk kegunaan Universiti Brunei Darussalam.

Dari sana Tuan Yang Terutama beredar pula melawat Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah, Gadong.

Di hari kedua pula, Tuan Yang Terutama telah berkesempatan pula melawat

Maktab Teknikal Sultan Saiful Rijal yang terletak di Jalan Muara. Ketika berada di maktab tersebut TYT telah berkesempatan melawat ke beberapa buah bilik dan makmal dengan diiringi oleh Pengetua maktab, Awang Haji Yusra bin Abdul Halim. Turut menyertai lawatan TYT ialah Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abd. Saman bin Kahar.

Institut Teknologi Brunei yang baru ditubuhkan pada tahun ini adalah merupakan institusi terakhir yang dilawati oleh Tuan Yang Terutama.


Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Haji Fuad Hassan beserta rombongan telah meninggalkan negara ini pada hari Jumaat 21 Mac yang lepas.



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, menerima kunjungan muhibah Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Haji Fuad Hassan, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia bertempat di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama Berakas (atas).

TUAN Yang Terutama Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia menyerahkan sumbangan lebih 60 naskah buku pendidikan kepada Timbalan Naib Chancellor, Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong (kanan).

TUAN Yang Terutama Profesor Dr. Haji Fuad Hassan dibawa ke salah sebuah makmal di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal di Jalan Muara diiringi oleh Pengetua maktab tersebut, Awang Haji Yusra bin Abdul Halim (kiri).



BENGKEL PENGUMPULAN SEJARAH LISAN AKAN DIADAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Sejarah Brunei dengan bantuan dari jabatan-jabatan kerajaan yang lain akan menganjurkan satu Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan Negara Brunei Darussalam yang akan bermula dari 26 Julai hingga 1 Ogos 1986.

Persetujuan untuk mengadakan bengkel tersebut telah dicapai di satu majlis perjumpaan yang diadakan oleh Pejabat Pusat Sejarah Brunei dengan beberapa orang pegawai-pegawai kanan kerajaan yang dijemput yang telah berlangsung di Bilik Mesyuarat pejabat tersebut pada hari Rabu 1 Mac lepas.

Perjumpaan tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah.

Menurut Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Pemangku Timbalan Pengetua Pusat Sejarah, bengkel tersebut antara lain bertujuan untuk mendapatkan bahan-bahan dan data-data Sejarah Brunei dari pencerita-pencerita yang akan ditemui selidik sesuai dengan peranan Pusat Sejarah untuk mendapatkan bahan-bahan sejarah yang masih belum terkumpul.

Bengkel selama seminggu

ini akan dijalankan di Kampong Ayer sahaja yang ditumpukan kepada tiga buah kampung iaitu Kampong Saba, Burong Pingai dan Sungai Kedayan. Pemilihan kampung-kampung ini dibuat berdasarkan kepada sejarah asal-usul pertumbuhan dan perkembangan Negara Brunei Darussalam yang dipercayai ada di ketiga-tiga buah kampung berkenaan.

Menurut Awang Haji Abdul Latif lagi, antara bidang yang hendak ditumpukan dalam penyelidikan pengumpulan yang akan dijalankan ini ialah Sejarah Brunei secara am, Sejarah Islam di Brunei, Sejarah Kampung-Kampung dan Sejarah Pembesar-Pembesar/Orang-Orang Yang Disampiri Gelaran.

Bengkel ini terbuka kepada pegawai-pegawai jabatan-jabatan kerajaan, guru-guru dan penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi serta orang-orang perseorangan yang berminat dalam bidang sejarah. Sebuah jabatan, maktab atau pusat pengajian tinggi hanya dibenarkan menghantar dua orang peserta dan tidak melebihi dari 5 orang. Jumlah peserta yang akan mengikuti bengkel ini adalah dihadkan tidak lebih dari 70 orang.

Awang Haji Abdul Latif juga memberitahu, peserta

bengkel akan ditempatkan di Rumah Persinggahan Kerajaan, Bandar Seri Begawan. Makan, minum dan kenderaan semasa bengkel disediakan oleh pihak penganjur. Sepanjang bengkel dijalankan semua peserta tidak dibenarkan pulang ke rumah yang tujuannya untuk membolehkan peserta-peserta berbincang dan bertukar-tukar fikiran bagi melicinkan rancangan-rancangan yang telah

diaturkan sepanjang bengkel tersebut.

Kepada yang berminat untuk menyertai bengkel ini, silalah berhubung dengan Urusetia Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan. Tarikh akhir penyertaan ditutup pada penghujung bulan April, 1986.



PEGAWAI-pegawai Kanan Kerajaan sedang mendengar dengan teliti mengenai dengan Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan yang disampaikan oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

DIANUGERAH AHLI FELLOW KEJURUTERAAN AWAM



AWANG Haji Othman bin Haji Yaakub, Pengarah Kemajuan Perumahan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Othman bin Haji Yaakub telah berjaya dianugerahkan menjadi 'ahli fellow' kepada Institut Kejuruteraan Awam, England pada bulan Mei 1985. Beliau adalah merupakan anak tempatan pertama menjadi 'ahli fellow' institusi tersebut.

Beliau telah menjadi ahli biasa kepada institusi itu pada tahun 1974 di mana syarat untuk menjadi ahli kepada institusi itu, seseorang itu diperlukan menduduki peperiksaan dan temuduga profesional setelah bertugas sekurang-kurangnya tiga tahun. Pengiktirafan fellow pula akan dinilai dari segi pengalaman dan tanggungjawab seseorang itu dalam bidang kejuruteraan dan ianya hanya akan dipertimbangkan sepuluh tahun selepas menjadi ahli biasa.

Sekarang beliau menyandang tugas sebagai Pengarah Kemajuan Perumahan di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, ketika memeriksa perbarisan seramai 16 orang rekrut wanita dalam pengambilan ke-8 (atas).

DI MAJLIS itu juga Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, YDM Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud juga menyampaikan Pingat Kerja Lama dan Berkelakuan Baik kepada 18 orang anggota angkatan tersebut (bawah).



LATIHAN ASAS PENTING SEBELUM JADI ANGGOTA TENTERA

BERAKAS. — Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin, menegaskan latihan-latihan asas yang

Oleh: Haniza Abdullah
Gambar: Haji Sharbini Taha

dijalani oleh rekrut-rekrut adalah penting sebelum mereka diterima sepenuhnya sebagai seorang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kerana katanya dalam mereka menjalani latihan asas itu, mereka bukan sahaja diajar mengenai cara-cara menggunakan senjata, latihan perbarisan dan sebagainya, tetapi juga mereka akan dilengkapi dengan latihan jasmani dan rohani serta disiplin yang boleh merubah sikap dan pembawaan mereka menjadi orang yang baik.

Bercakap selaku tetamu kehormat di perbarisan tamat latihan di padang kawat, Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja di Perkhemahan Bolkuah di sini Jumaat lepas, Awang Haji Puasa seterusnya menjelaskan perubahan sikap yang dimaksudkan itu ialah jika

dahulu semasa sebelum menjalani latihan jika sikap mereka tidak baik mungkin selepas menjalani latihan itu akan berubah menjadi orang yang baik.

Menurutnya lagi, perubahan sikap inilah yang sangat-sangat diharapkan, kerana ianya bukan sahaja berguna kepada mereka sebagai seorang anggota tentera tetapi juga demi untuk kesejahteraan dan keamanan negara.

Sebagai seorang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sudah tentulah mereka akan memikul tanggungjawab yang berat ke arah mempertahankan negara daripada sebarang pencerobohan ke atas kedaulatannya.

Ke arah itu disiplinlah yang memainkan peranan yang penting kepada seseorang ke arah menyatupadukan ke atas kedua-dua pihak antara tentera dan orang ramai bagi memelihara nama baik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, di samping melicinkan lagi tugas-tugas mereka yang telah dipertanggungjawabkan itu.

Awang Haji Puasa seterusnya menyeru mudamudi di negara ini yang belum mempunyai sebarang pekerjaan supaya tampil memasuki kerjaya tentera. Kerana katanya peluang-peluang memasuki tentera adalah sentiasa terbuka kepada mereka yang berminat dan berkelayakan.

Dalam pengambilan yang ke-67, seramai 41 orang rekrut lelaki dan 16 orang rekrut wanita dalam pengambiln ke-8 telah menamatkan latihan asas mereka pada hari itu.

Di akhir majlis itu juga Awang Haji Puasa telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada rekrut-rekrut lelaki dan rekrut-rekrut wanita yang terbaik di dalam berbagai bidang. Sementara itu pula seramai 18 orang lagi anggota angkatan tersebut telah menerima Pingat Kerja Lama dan Berkelakuan Baik yang telah disampaikan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud.

DI AKHIR majlis Awang Haji Puasa telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada rekrut-rekrut lelaki dan rekrut-rekrut wanita yang terbaik dalam berbagai bidang semasa menjalani latihan asas.

Giliran membaharui Kad Pengenalan

ADALAH dimaklumkan kepada orang ramai khasnya kepada pemegang Kad Pengenalan warna kuning dan ungu yang sudah genap 10 tahun atau lebih (mengikut tarikh pengeluarannya) yang mempunyai nombor-nombor seperti berikut bolehlah membaharui Kad Pengenalan mereka itu mulai dari 1 hingga 30 April, 1986.

DAERAH	KAD KUNING	KAD UNGU
Brunei/Muara	007201-009200 009601-010600 011001-011400 012401-013200	083601-084400
Belait	005001-006000	082401-083600
Tutong	009201-009600 010601-011000	081701-081800
Temburong	013201-013400	082011-082200

Mereka yang berkenaan boleh membaharui Kad Pengenalan mereka itu di mana-mana Pusat Pendaftaran yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka pada masa ini dengan membawa bersama surat keterangan seperti; Surat Beranak, Sijil Kerakyatan, Surat Sumpah asal yang digunakan semasa membuat Kad Pengenalan yang ada sekarang, Permit Tinggal, Permit Masuk atau lain-lain surat keterangan yang melayakkannya mendapat Kad Pengenalan tersebut. Kepada pemegang Kad Pengenalan yang belum genap 10 tahun ataupun yang pernah mengganti Kad Pengenalan mereka itu sama ada kerana hilang, rosak, menambah nama dan lain-lain adalah tidak dikesempatan mengganti Kad Pengenalan mereka itu pada masa ini. Mereka bolehlah mengganti Kad Pengenalan mereka itu apabila sudah genap 10 tahun kelak.

Lain-lain permohonan untuk mendapat Kad Pengenalan boleh dibuat seperti biasa.

Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 20 April 1966 mencatatkan bahawa Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran

Sungguh telah membuka rasmi Klinik Haiwan, Jabatan Pertanian pada hari Khamis 14 April, 1966.

Klinik tersebut yang terletak berdekatan dengan simpang masuk ke Jalan Lapangan Terbang Lama telah dibina dengan perbelanjaan kira-kira \$100,000 di sebuah kawasan seluas 4½ ekar.

Beliau menegaskan bahawa klinik itu adalah rancangan Jabatan Pertanian dalam usaha untuk menolong petani-petani memperbaiki lagi binatang ternakan mereka dan mengurangkan kematian di antara binatang-binatang pemeliharaan yang sakit.

Sebagai tambahan kepada sebuah bilik makmal, pembedahan dan sebuah bilik perubatan, klinik itu juga mempunyai sebuah tempat di mana binatang-binatang ternakan dapat diperiksa dan diubati.

Pegawai-pegawai di klinik ini juga meneruskan kerja melawat ke kampung-kampung untuk menentukan kesihatan binatang-binatang dan ternakan di kawasan luar bandar.

Brunei Darussalam dalam kenangan

JALAN raya antara Bandar Brunei (sekarang Bandar Seri Begawan) yang menghala ke Subok atau lebih dikenali lagi sebagai Jalan Residency telah siap dibina pada tahun 1925.

Jalan Residency ketika itu merupakan kawasan perumahan pegawai-pegawai British yang berkhidmat di negara ini. Antaranya terdapat juga rumah kediaman rasmi Resident British yang kemudiannya digantikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini. Rumah tersebut dikenali sebagai 'Bubungan 12'.

Beberapa tahun sebelum kita mengambil alih semula

tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat, kawasan Jalan Residency telah bertukar wajah oleh pesatnya projek pembangunan yang dilakukan oleh Kerajaan. Kawasan ini sekarang terdapat bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei manakala beberapa buah rumah yang bekas didiami oleh pegawai-pegawai British telah dirubuhkan.

Bangunan 'Bubungan 12' masih dikekalkan setelah diambil alih oleh Kerajaan dan dijadikan sebagai 'Balai Pameran' Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

Jadual lawatan perubatan ke kampung pedalaman

BERIKUT ialah jadual lawatan perubatan menggunakan pesawat helikopter ke kampung-kampung pedalaman pada bulan April, 1986.

KAMPONG	ULU	TARIKH
Buau	Belait	1.4.86
Benutan	Tutong	2.4.86
Mapol	Tutong	8.4.86
Lopat	Temburong	9.4.86
Biang Menengah Lamaling at 1100	Temburong	14.4.86
Ukong	Tutong	15.4.86
Sukang	Belait	16.4.86
Belabau	Tutong	21.4.86
Melilas	Belait	22.4.86
Supon Besar	Tutong	23.4.86
Long Mayan	Tutong	28.4.86
Bukit	Tutong	29.4.86
Teraja Apak-Apak at 1100	Belait	30.4.86



AWANG Mohd. Zaini bin Haji Omar, Pengurus Hal-Ehwal Awam Shell menyampaikan derma bantuan sejumlah \$750.00 kepada Awang Haji Tassim bin Haji Abu Bakar, salah seorang Penuntut Pusat Tingkatan Enam.

26 orang penuntut terima bantuan Shell

SERIA. — Seramai 26 orang penuntut dari beberapa buah sekolah menengah dan maktab di seluruh negara telah menerima derma bantuan kewangan dari Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad bagi tahun ini.

Majlis penyampaian derma tersebut telah diadakan di Pusat Penerangan Pejabat Hal Ehwal Awam syarikat berkenaan di sini pada hari Jumaat, 14 Mac.

Derma bantuan sebanyak \$750.00 bagi setiap penuntut itu telah disampaikan oleh Pengurus Hal Ehwal Awam, Awang Mohd. Zaini bin Haji Omar.

Sejak derma bantuan itu diperkenalkan dalam tahun 1958, seramai lebih 700 orang penuntut telah pun menerima bantuan tersebut yang bertujuan bagi memberikan dorongan kepada penuntut-penuntut tersebut melanjutkan pelajaran mereka setelah mereka menamatkan dan lulus dalam peperiksaan tingkatan 3 dan 5. Derma bantuan itu juga bertujuan bagi meningkatkan sokongan Syarikat Minyak Shell Brunei terhadap rancangan pelajaran di negara ini.

Derma bantuan itu hanya diberikan kepada rakyat Brunei sahaja iaitu bagi

penuntut-penuntut yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan dalam tingkatan 3 dan 5.

Sebelum majlis penyampaian itu, penuntut-penuntut tersebut telah mendengar taklimat mengenai perindustrian minyak dan gas yang disampaikan oleh Awang Abd bin Abdul Hamid, Pegawai Perhubungan Sekolah-Sekolah.

Penuntut-penuntut itu juga dibawa melawat kilang pembersih minyak dan komputer-komputer, di ibu pejabat Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad.

PERMAINAN HADRAH SALAH SATU KEGIATAN ECA

SUNGAI BESAR. — Pertandingan Hadrah Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan seluruh negara kali ke sepuluh telah berlangsung di Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin di sini Ahad lepas.

Awang Abdullah bin Awang Haji Metassim seorang Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Pelajaran ketika merasmikan pertandingan pada hari itu, antara lain menjelaskan, bahawa permainan hadrah adalah merupakan salah satu permainan tradisional orang-orang Brunei yang telah diperturunkan kepada generasi di masa kini dan kepada generasi yang akan datang.

Menurutnya, oleh kerana permainan hadrah itu sudah

menjadi kebudayaan orang-orang Melayu khususnya di majlis keramaian seperti di majlis perkahwinan serta di perayaan Hari Kebangsaan menjadikan permainan hadrah itu masuk ke dalam salah satu kegiatan luar sekolah yang terkandung dalam kurikulum ECA.

Menurut beliau, melalui unit kegiatan luar itu, pertandingan hadrah di sekolah-sekolah juga dihasratkan sebagai pendorong dan memupuk minat di kalangan kanak-kanak di samping tugas mereka sebagai penuntut sekolah dengan harapan mutu dan corak permainan dapat di tingkatkan dari masa ke semasa.

Pertandingan pada hari itu telah dimulakan dengan

ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Pertandingan iaitu Awang Md. Salleh bin Duraman, Guru Besar, Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin di sini.

Sebanyak 15 buah Sekolah Rendah Kerajaan telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Johan telah disandang oleh Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Siang Brunei 1, naib johan ialah Sekolah Rendah Kerajaan Haji Tarif Kg. Tamoi Brunei II dan tempat ketiga ialah Sekolah Rendah Kerajaan Anggerek Desa Brunei 1.

Sementara hadiah-hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat iaitu Awang Abdullah bin Awang Haji Metassim, di akhir pertandingan itu.



KELIHATAN sebahagian daripada kumpulan pelajar Sekolah Menengah Berakas sedang melakukan penanaman padi. — Gambar oleh Pengiran Kamaluddin.

Pelajar dan guru SMB adakan kerja sukarela

KAMPONG LAMUNIN. — Sekumpulan 100 orang pelajar dan guru Sekolah Menengah Berakas telah mengadakan kerja sukarela menuai padi kepunyaan Awang Ratu bin Haji Mohd. Tahir di Jalan Barun, di sini pada Ahad lepas.

Kerja gotong-royong menuai padi itu ialah sebagai kegiatan luar pelajar yang mana kebanyakannya terdiri daripada Pandu Puteri sekolah tersebut yang diketuai oleh Dayang Afsah bte Haji Majid.

Dengan kegiatan ini, kata Dayang Afsah, para pelajar akan dapat menanamkan kesedaran tentang kerja-kerja bertani dan mendekatkan lagi pengetahuan pelajar terutama yang berkait rapat dengan mata pelajaran ilmu alam mengenai keadaan setempat.

Di samping itu, tambahnya, kegiatan tersebut juga memberi peluang kepada pelajar dan guru-guru untuk merasa bagaimana suasana dan cara-cara kita bersawah terutama kepada mereka yang tidak pernah bersawah.

Turut hadir dalam kerja

bergotong-royong itu ialah Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abd. Saman bin Kahar dan beberapa orang pegawai kanan dari jabatan tersebut.

Di sebelah petang, kumpulan pelajar itu telah melakukan lawatan ke Logi Penapis Air di Layang dan kegiatan-kegiatan seperti ini dilakukan kali pertama.

Peraduan Nasyid

KUALA BELAIT. — Persatuan Belia Belait akan menganjurkan Peraduan Nasyid sempena sambutan Israk Mikraj pada tahun ini.

Borang-borang serta keterangan lanjut mengenai peraduan itu boleh diperolehi sekarang dari Awang Zaini bin Awang Taib di Kampong Pandan Dua atau Awang Ismail bin Abdul Karim di Rumah Sakit Suri Seri Begawan.

Borang-borang yang telah diisi hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada hari Sabtu 29 Mac depan.

J/kuasa Persatuan Penuntut Brunei di UK

PERSATUAN Penuntut-Penuntut Brunei di United Kingdom baru-baru ini telah mengadakan mesyuarat agungnya bagi melantik ahli-ahli jawatankuasa persatuan itu bagi sesi 1985/86.

Gambar atas menunjukkan ahli-ahli jawatankuasa yang baru itu.

Pengenalan duduk dari kiri: Mohd. Idris Abd. Gapar (Setiausaha Sosial), Dk. Hajjah Suryati Pengiran Setia

Jaya Pengiran Haji Abd. Momin (Setiausaha Kebajikan), Noraini Haji Abd. Fatimah (Setiausaha Umum), Hambali Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abd. Rahman (Yang Dipertua), Hasnal Haji Mohammad (Naib Yang Dipertua Lelaki), Hajjah Aishah Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin (Setiausaha Kewangan), Haji Osman Haji Mohd. Yusoff (Setiausaha

Sukan).

Berdiri dari kiri: Anthony Bong (Setiausaha Business), Ramlee Ali (Penolong Setiausaha Business), Radiah Haji Mohiddin (Penolong Setiausaha Sosial), Rakawi Renek (Penolong Setiausaha Kebajikan), Suhaimi Haji Khamis (Penolong Setiausaha Umum), Aji Haji Abdullah (Penolong Setiausaha Agama), Dayang Daniar Haji Abdullah (Penolong Setiausaha

Kewangan), Raini Kassim (Penolong Setiausaha Sukan), Dayangku Azizah Pengiran Haji Sidek (Setiausaha Penerangan) dan Maizan Haji Hambali (Penolong Setiausaha Penerangan).

Tidak ada dalam gambar: Dayangku Asilah Pengiran Chuchu (Naib Yang Dipertua Wakil Wanita), Adanan Haji Amat (Setiausaha Agama), Abd. Kadir Haji Razali (Ahli Bersekutu) dan Darmawati Haji Ahmad (Ahli Bersekutu).

Keputusan Peperiksaan SAP Singapura-Cambridge Peringkat Biasa

Aliran Melayu Tahun 1985 (Tertakluk kepada keputusan asal)

MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA

Amasah bte Haji Abdul Razak 6, Fatimah bte Tuah 3, Hairani bte Tabib 7, Nurdiani bte Mohd Noor 3, Seti anak Nyawing 7, Adi bin Abdullah 6, Ahmeddani bin Haji Abdul Rahman 3, Aji bin Haji Timbang 5, Al-Hussaini Haji Noordin 4, Awg Mohd Azhar bin Haji Metussin 5, Hamir bin Liman 5, Hasnal Hadi bin Ahmad 4, Metussin Haji Bakar 5, Mohd Ramlee bin Durahman 4, Reduan bin Alias 6.

SEKOLAH MENENGAH SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM

Aminah bte Haji Chuchu 3, Buwang bte Majid 4, Dayang Hajjah bte Omar 5, Dayang Laki bte Awang Metussin 4, Dy Rusni bte Awg Salleh 3, Dy Rusnah bte Haji Mat Daud 3, Dk Norsiah bte Pg Ibrahim 3, Dk Saimah bte Pg Mustapha 4, Dy Noorhayati bte Haji Ismail 3, Erne Suriati bte Mohd Mawardi 6, Faridah bte Haji Sahat 6, Indot bte Bidin 5, Insan anak Mail 5, Juita bte Mahli 4, Latifah bte Osman 3, Mardiah bte Ahmad 4, Margaret anak Seraim 4, Mastura bte Haji Md Said 3, Murti anak Ranggau 5, Noor Hayati bte Ibrahim 3.

Noraini bte Ngilau 5, Noridah bte Tahir 6, Nosra bte Abai 3, Rafiah bte Mohd Said 4, Sarinah anak Sapoh 6, Saunah bte Buang 3, Selep bte Apoi 6, Siti Halimah bte Salleh 6, Siti Limah Idris 4, Siti Sufiah bte Hj Tahir 7, Tan Tian Diang 4, Vera Rosandra 3, Wan Zunaidah Ariff M Zain Ariff 4, Zabidah bte Mohammad Ali 6, Zaiton bte Maidin 3, Zerinah bte Lunak 4, A Aasmal bin Mundin 3, Abdul Latif bin Abdul Rahim 5, Abdullah bin Haji Sahat 7, Abdul Rahman bin Haji Ahmad 4, Ag Abdul Rashid bin Haji Ahmad 6.

Ak Abdul Rahman bin Pg Sulaiman 3, Ak Husaini bin Pg Haji Safuddin 3, Ak Shabri bin Pg Sarudin 5, Ak Sallehuddin bin Pg Mohammad 5, Alias bin Kalong 5, Amit anak Angkat 4, Augustiman bin Julaidi 5, Awg Ahmad bin Awg Taha 4, Awang Jaffar bin Matusin 6, Bakar bin Bali 6, Bujang bin Puteh/Metussin 3, Daud bin Buang 5, Haji Junaidi bin Haji Jais 3, Ibrahim bin Haji Bakar 3, Jayan anak Ayut 7, Jeffridin bin Tarasat 3, Kamis bin Omar 4, Kiber bin Kiser 4.

Khairudin bin Haji Metussin 5, Lain anak Asun 5, Lim Kian Chai 7, Malai Yunus bin Malai Yusof 7, Marshidi bin Omar 6, Md Salleh bin Apong 4, Mohamad Fuad bin Abu Bakar 4, Mohamed Daud bin Haji Mustapa 4, Mohd Marzuki bin Azman 3, Mohd Ramli bin Mohd Hashim 5, Mohd Saifulzaili bin Abdullah 5, Mohd Suhaini bin Mohammad 4, Marip bin Haji Bostan 4, Nyandang anak Bili 7, Puasa bin Juma'at 3.

Rabu anak Sapoh 7, Rahman bin Abdullah 7, Rakawi bin Siandok 3, Ramlee bin Ahmad 3, Rimah anak Jingga 7, Roslan bin Haji Abu Bakar 5, Roslan bin Haji Hamid 3, Rosli anak

Ayu 4, Sagai anak Ambayang 3, Sahari bin Amit 5, Samat bin Masnoh 4, Sambli bin Haji Nawi 4, Shamsuddin bin Ghapar 5, Yusof bin Ismail 6, Zaki bin Mohammad 5, Zulrushdi bin Md Salleh 5, Amir Hamzah bin Abdul Ghafar 3.

SEKOLAH MENENGAH MUDA HASHIM, TUTONG

Dibah anak Uset 3, Jifeh bte Ah Choi 3, Lamai anak Sakai 4, Mandi anak Bugi 3, Nornegawati bte Mohd Bahrin 3, Rozwita bte Mohd Taib 3, Saimah bte Damit 3, Abdul Ghani bin Md Salleh 4, Balaw anak Tikus 3, Dile bin Dukong 4, Gani bin Yamat 5, Jussemi anak Jampang 3, Jamil bin Samat 4, Kula bin Angas 6, Kothom bin Kayong 3, Lang Eng Loie/Md Jalil Abdullah 5, Mohd Jafredin bin Hj Mohd Tahir 3, Mahren bin Bakar 4, Muazasbi bin Mohammad 3, Peranchis anak Bayang 4, Puasa bin Kamis 6, Sapec bin Sabtu 4, Wu Suw Wan 4, Wazir bin Kapal 3.

SEKOLAH MENENGAH AHMAD TAJUDDIN, KUALA BELAIT

Abdul Rahman bin Asan 3, Abdul Rahman bin Mahmood 3, Abdul Talip bin Mahani 5, Abu Jani anak Silang 4, Adani bin Basman 4, Agok anak Gak 5, Ahmad bin Harun 4, Among anak Lanyau 6, Ashak bin Haji Ali 6, Dy Norsiah bte Haji Awg Muhin 3, Dayang Sarimah bte Ahmad 4, Dayang Theresa anak Bangau 3, Dana bin Tandang 3, Gama anak Dilang 6, Hamidah binte Jaya 3, Halimah binte Ibrahim 3, Hise bin Ali 6, Halime bin Handdi 4, Iran bin Singong 3, Jamilah binte Abdul Rajak 3, Jalani bin Mohammad 4, Juperi bin Samiri 4, Mawardi bin Md Tahir 6, Mohamed bin Abdul Rahman 4, Noraini bte Metussin 4, Nyinyet anak Gunong 3, Sarinah bte Chasbollah 4, Sharifah Rogayah bte Wan Hel 4, Sitirubiah binte Durahman 3, Sabtu bin Kassim 5, Tegok anak Manggi 4, Wong Hong Kai 4, Yusof anak Liang 5, Zulkefli bin Pawi 3.

SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH (CALON PERSENDIRIAN)

Habiah bte Jabaidin 3, Ismah binte Haji Sableh/Sabli 4, Kamariah bte Haji Abdul Rahman 5, Khadziah bte Mohammad 4, Kasni bte Hashim 3, Kalsom bte Shahbudin 4, Masni bte Abdul Karim 4, Mariam bte Abdul Rahman 5, Mariam bte Nohi/Nohin 5, Mariam bte Mohammad 4, Meriam bte Salleh 3, Mariana bte Jamil 6, Mahani bte Awg Haji Suhaili 7, Masuriyati bte Yahya 5, Masidah bte Haji Abdullah 4, Norhayati bte OKMD Haji Saman 3, Noorlila bte Haji Azahari 6, Norliha bte Haji Noordin 6, Norati bte Ahmad 3, Norati bte Bakar 5, Norsiah bte Hj Md Yassin 3, Noraya bte Hj Metali 6, Noraini bte Asmat 4.

Nafsiyah bte Haji Jaafar 3, Ramlah bte Othman 3, Rosnah bte Ismail 5, Rosnah

SERAMAI 387 orang calon telah mendapat kelulusan dari tiga hingga lapan mata pelajaran peringkat biasa dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura Cambridge Peringkat Biasa yang telah diadakan pada bulan November/Disember 1985.

Bagi sekolah-sekolah kerajaan dari jumlah 211 orang calon yang menduduki peperiksaan sejumlah 162 orang telah lulus dengan mendapat 3 hingga 8 peringkat biasa. Peratus kelulusan ialah 76.78.

Sementara bagi calon persendirian pula dari jumlah 486 orang yang menduduki peperiksaan seramai 225 orang telah lulus bersamaan dengan 42.69 peratus.

Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara telah mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan tersebut di mana kesemua calonnya yang berjumlah 15 orang telah lulus.

bte Haji Kassim 5, Rosnani bte Awang Metali 5, Rostimah bte Tuah 5, Rosesiah bte Haji Metussin 4, Rokiah bte Ibrahim 5, Sarifah bte Haji Ahmad 4, Salamah/Salmah bte Suhaili 4, Salmah bte Haji Nudin 3, Seniwati bte Haji Md John 4, Suryawati bte Hamdan 3, Sarimah bte Masri 3, Sintan bte Haji Pangis 3, Saunah bte Sirat 3, Suwasa bte Japar 3, Siti Saleha bte Mohammad 3, Rajah bin Anggas 4, Sabli bin Haji Mumin 4, Shazali bin Haji Bulat/Kubu 3, Shamsuddin bin Haji Saban 5, Tamin bin Haji Mohammad 3, Yusof bin Mohin 3, Zaini bin Haji Mirasan 4, Zainal bin Hassan 4, Zulkifli bin Haji Md Daud 3.

SEKOLAH MENENGAH MUDA HASHIM, TUTONG (CALON PERSENDIRIAN)

Aidah bte Mohd Yusop 5, Aminah bte Moktar 6, Armah bte Luhong 4, Fatimah bte Md Said 3, Hjh Rosni bte Haji Metussin 3, Hjh Fatimah bte Abas 3, Halimah bte Haji Md Said 5, Jailan bte Tunjol 3, Lauyah bte A Hitam 4, Masni bte Abdul Rahman 4, Masnunah bte Haji Bohasan 4, Marimah bte Saman 5, Noraidah bte Haji Md Said 5, Norsimah bte Rahim 3, Normah bte Nordin 4, Noraini bte Haji Md Jali 4, Normiah bte Sahat 3, Radiah bte Suhaili 4, Ratmah bte Haji Mokti 3, Rosni bte Ramidi 4.

Samsiah bte Haji Mohammad 5, Sanah bte Ali 3, Siti Atikah bte Haji Md Mansor 4, Siti Munah bte Haji Marshidi 3, Siti Salmah bte Ibrahim 4, Siti Ramat bte Salleh 3, Sauiyah bte Hashim 5, Zabaidah bte Kaling 4, Zaitun bte Haji Md Daud 4, Zainun bte Haji Bakir 4, Zuriyah bte Ranek 4, Abang Hadzmin bin Abang Taha 3, Jailani bin Muhammad 3, Kuala bin Bungok 4, Md Deli bin Raya 4, Mohd Harris/Sulong bin Raup 3, Md Terang bin Md Ali 4, Md Yusof bin Ahmad 3, Mohamed Fauzi bin Ismail 5, Noorashid bin Abdullah 4, Serbini bin Haji Bidin 4.

SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASSAN, BANGAR (CALON PERSENDIRIAN)

Dayang Fatimah bte Kadir 3, Dy Faridah bte Abu Bakar 5, Dy Tiawa bte Haji Abas 3, Dy Tunjol bte Haji

Pg Haji Apong 4, Dk Rosnah bte Pg Daud 3.

Dk Rohani bte Pg Haji Md Daud 3, Dk Rahmah bte Pg Hashim 3, Dk Noralam bte Pg Haji Othman 6, Dk Norhayani bte Pg Omar 4, Dk Jeriah bte Pg Haji Metahir 3, Dk Siti Mariam bte Pg Ismail 4, Fatimah bte Abdul Hamid 3, Faridah binti Yakub 4, Fuziah bte Haji Abd Rahman 5, Hjh Noraidah bte Eini 4, Hjh Rohia bte Hj Kamis 5, Hjh Rashidah bte Hj Othman 5, Hjh Rasinah bte Haji Ahim 4.

Hjh Rukiah bte Hj Lamat 3, Hjh Masnah bte Haji Pungut 4, Hjh Janis bte Ali 3, Hjh Janah Haji Mustapa 3, Hjh Jalia bte Haji Ibrahim 5, Hjh Sofiah bte Haji Ibrahim 5, Hjh Latifah bte Haji Mudin 6, Hjh Hadijah bte Haji Mudin 3, Hjh Dy Damit bte PADP Hj Abdullah 4, Hjh Rosnah bte Mansor 4, Hjh Salmah bte Haji Abdul Ghani 5, Hindun bte Puting 3, Hainun bte Haji Latip 4, Haniah bte Abdullah 6.

Hartini bte Ahmad 7, Hariah bte Haji Abd Rahman 4, Hazimah bte Ahmad 5, Siti Maani bte Haji Duraman 5, Siti Azizah bte Ismail 4, Siti Rajiah bte Haji Saat 5, Siti Noraini bte Haji Md Noor 5, Tiara bte Haji Basman 5, Taisah bte Haji Jeludin 4, Zakiah/Setiawati bte Hj Leman 4, Zaharah bte Jais 3.

SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PUSAR ULAK (CALON PERSENDIRIAN)

Ariffin bin Jafarudin 4, Abdul Kamis bin Haji Bakar 3, Abdullah bin Mohammad 4, Adi bin Kahar/Abd Kahar 4, Ali Akbar bin Haji Saim 4, Ali Akbar bin Simba 3, Ali Amat bin Ali Hassan 5, Ali bin Sulung 4, Awg Mohamed bin Puteh 3, Awg Lamit bin Matzin 3, Awg Ering bin Awg Mumin 3, Abd Wahab bin Hashim 3, Abd Salam bin Che Amin 5, Abd Rashid bin Haji Ahmad 3, Abd Rahman bin Abd Malek 3.

Abd Rahman bin Metali 3, Ak Ibrahim bin Pg Tengah 3, Ak Marzuki bin Pg Haji Abdul Rahman 4, Ak Haji Hamzah bin Pg Hj Mohammad

4, Haji Abdul Wahab bin Haji Ridin 5, Haji Awang Hijra bin Awg Adenan 4, Haji Mashor bin Haji Husain 5, Habibudin bin Ghazali 5, Ibrahim bin Haji Sapar 5, Ibrahim bin Kuleb 4, Ibrahim bin Haji Osman 3, Ismail bin Haji Nasir 3, Ismail bin Haji Jarudin 4, Juaidi bin Haji Abu Bakar 4, Khairilhapshah bin Serudin 3.

Kula bin Tuah 3, Mohd Salleh Ahmad 3, Mohammad bin Haji Nayan 3, Mohamed bin Serudin 3, Muhammad bin Haji Hairuddin 6, Md Said bin Mat Salleh 3, Mat Suni bin Haji Mohd Yusoff 6, Masri bin Haji Apong 3, Mami bin Saman 4, Musle bin Tarif/Tarip 3, Moktar bin Latif 3, Mohaimin bin Md Noor 4.

SEKOLAH RENDAH KERAJAAN MUHAMMAD ALAM, SERIA (CALON PERSENDIRIAN)

Essah bte Runus @ Sisah 3, Hasiah bte Mohd Salleh 3, Haismah bte Daud 4, Haslenah bte Hassan 3, Norleen bte Alas 3, Samilah bte Sukor 3, Ahmad bin Othman 3, Awg Ibrahim bin Haji Metali 5, Ho Jong Heng 4, Yahya bin Haji Mat Yassin 3.

SENARAI CALON- CALON SEKOLAH YANG DIKELUAR- KAN DARI CALON SEKOLAH

SEKOLAH MENENGAH SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM

Ak Husaini bin Pg Haji Safuddin 3, Zulhazmi bin Muhammad Jais 6.

SEKOLAH MENENGAH AHMAD TAJUDDIN, KUALA BELAIT

Norden bin Hazami 3, Norisnani bin Majenis 4, Othman bin Sarudin 4, Sharifah Rogayah bte Wan Hel 4.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

26 Mac hingga 30 Mac 1986

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis	26.3.1986	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalan Batu	26.3.1986	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Masin	26.3.1986	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Di hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang	26.3.1986	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong	29.3.1986	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	29.3.1986	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Sengkuring	29.3.1986	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Agama Sengkuring	29.3.1986	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	29.3.1986	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bunut	29.3.1986	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa Muara	30.3.1986	Ahad	9.00-10.00 pagi
Di kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara	30.3.1986	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Muara	30.3.1986	Ahad	11.30-12.00 tengah hari

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

RADIO TURUT BERKEMPEN MENENTANG DADAH

DADAH adalah perosak kehidupan! Dadah juga dianggap perosak masyarakat dan negara. Dari itu, kerjasama semua pihak adalah diperlukan untuk membasmi penyalahgunaan dadah dari terus berleluasa dan mengekalkan negara kita sebagai sebuah negara yang tidak menghadapi dadah sebagai masalah utamanya.

Dalam hal ini, radio mempunyai peranannya yang tersendiri sebagai sebuah media yang boleh dianggap berkesan untuk menyalurkan perkara-

perkara yang berkebalikan kepada masyarakat. Dengan bermulanya kempen antidadah negara, radio dalam siaran hariannya tidak ketinggalan untuk mengingatkan pendengarnya akan bahayanya melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah.

Slogan-slogan yang berbunyi seperti 'Dadah itu musuh masyarakat dan negara. Musuh masyarakat dan negara tidak mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat yang bahagia sempurna dan bertanggungjawab'; akan terus dapat kita ikuti melalui radio sebagai perantara dalam rancangan-rancangan hiburan harian dan sebagainya, walaupun pada hakikatnya

kempen ini sudah berakhir pada 20 Mac yang lepas. Ini adalah untuk terus menimbulkan kesedaran dan memberikan ingatan di kalangan pendengarnya agar akan lebih berhati-hati dan seterusnya menjauhkan diri dari penyalahgunaan dadah. Mungkin dari peringatan harian itu, akan dapat sedikit demi sedikit, walaupun tidak secara mendadak mengikis jauh-jauh akan keinginan untuk melibatkan diri dalam perkara yang tidak diingini itu. Dalam masa yang sama akan menimbulkan kesedaran atau perasaan ngeri di sanubari mereka yang telah cuba berjinak-jinak dengan benda perosak tersebut.

Dari kempen yang dijalankan sama oleh pihak radio ini, kami berharap akan dapat mengurangkan pertambahan atau peningkatan kejadian-kejadian jenayah di negara kita dan seterusnya mengelakkan dari kehilangan tenaga manusia yang berguna baik dari segi mental mahupun fizikal.

Radio juga merasakan perlu untuk menyenaraikan di bawah ini berapa aturcara kempen sebagai usaha lanjutan bagi membasmi penyalahgunaan dadah di negara ini. Kepada mereka yang mempunyai kebolehan tertentu di bidang-bidang yang berkenaan bolehlah membuat persembahan mulai dari sekarang untuk menyertai peraduan-peraduan yang akan diadakan di masa yang akan datang. Di antaranya ialah Peraduan mengarang dan melukis poster dan logo, pementasan theatre atau drama, Peraduan Mencipta Lagu Anti Dadah dan Sampul Surat Hari Pertama. Dengan ini akan dapatlah lagi kita membantu bagi menghindarkan gejala-gejala yang mungkin boleh mendorong seseorang itu dari melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah.

Walaupun kes-kes penyalahgunaan dadah di negara ini belum begitu membimbangkan, tapi adalah penting bagi kita untuk membasminya sebelum ianya berkembang-luas menjadi wabak. Beringatlah sebelum kena, cegah sebelum parah. Itulah di antaranya yang dapat dilakukan oleh pihak radio untuk membantu masyarakat dan negara umumnya. Selain dari usaha yang dibuat melalui alat-alat media yang lain di negara kita ini, sedapat yang mungkin radio cuba sedaya upayanya untuk menanamkan perasaan benci masyarakat terhadap penyalahgunaan dadah melalui siaran hariannya.

Dengan adanya kempen yang sama-sama didorong oleh pihak radio ini diharapkan akan dapat menghapuskan terus punca utama yang boleh menyebabkan kelumpuhan pembangunan negara dan kemajuan masyarakat kita khususnya di kalangan belia-belita kita.

Masyarakat yang bahagia dan bertanggungjawab ialah masyarakat yang tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Jangan biarkan masyarakat rosak oleh penyalahgunaan dadah.



Rosita Abd Patah

Norazaidah Md Zain

Tijan Hj Jamuddin

Norhabibah



Mohammad Tamin



Ali Zamri



Kamaliah



Dk Salbiah

BINTANG REMAJA 1986

PADA hari Sabtu 29 Mac, 1986 depan kira-kira jam 9.20 malam rancangan ketiga dari Pertandingan Bintang Remaja 1986 akan menampilkan lapan orang lagi dari 32 orang peserta yang telah pun melayakkan diri ke Peringkat Separuh Akhir.

Mereka ialah Rosita Abdul Patah, Norazaidah Md Zain, Tijan Haji Jamuddin, Norhabibah Haji Mohammad, Mohammad Tamin, Ali Zamri Abdul Latif, Kamaliah Haji Othman dan Dk Salbiah.

Drama Tv Berjodol:

"ULAT BULU BUNTAL" (Bahagian I)

MINGGU ini Perkhidmatan Drama Televisyen akan menayangkan sebuah drama komedi hasil tulisan ALIMAH HASHIM, Negara Brunei Darussalam.

Cerita ini mengisahkan Sudin dan Jamal mencari pekerjaan. Di samping mereka mencari kerja, mereka pernah berusaha sendiri tetapi malangnya ada penghalang.

Sekian lama mereka menempuhi masalah, mereka seterusnya pergi ke kedai Syarikat Liau Labu. Apa pula kisah selanjutnya...?

Untuk mengentaskan masalah kita ikuti siarannya pada 28 Mac, 1986.

Drama ini dijayakan bersama oleh: Hj. Rais Banih — sebagai Liau Labu; Pg. Sulaiman Pg. Matnoor — sebagai Sudin; Hj. Matnoor — sebagai Jamal; Hj. Sal-

mah Hj. Tengah — sebagai Mayang; Awg. Matnoor Metussin — sebagai Ramli; Cikgu Johari Munap — sebagai Awang Jalil; Rubiah Puteh — sebagai Kuntum; Dk. Fauziah Pg. Hj. Besar — sebagai Jamilah dan Hj. Ahmad Md. Zain — sebagai Nelayan.

Dokumentari Tempatan:

KAJI MUSUH TANAMAN (Bahagian II)

PENGUNAAN sistem pengaliran dalam perusahaan ladang pertanian merupakan satu bidang usaha yang perlu diketahui dan mesti disediakan oleh setiap peladang atau petani bagi menjamin daya kesuburan tanaman yang diusahakan, tidak kira sama ada perusahaan pertanian itu bentuk tanaman kekal mahupun tanaman sementara.

Salah satu contoh penggunaan sistem parit dan tali air yang lazim diamalkan sejauh ini ialah pembinaan ampungan air pada setiap pinggir ladang yang berkenaan seperti

ladang padi dan sebagainya.

Pembinaan ampungan air seperti ini adalah amat mustahak bagi menampung keperluan tanaman dan kehendak-kehendak pertanian, terutama di kawasan-kawasan perladangan padi yang luas.

Dalam rencana kedua malam ini; Dokumentari Jabatan Pertanian dalam tajuk Kajian Musuh Tanaman akan mendedahkan beberapa usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kakitangan jabatan berkenaan dalam hal pembasmian musuh-musuh tanaman di negara ini.

Mari Memasak:

ROJAK AYAM

BAHAN-BAHANNYA:—

- 1 ekor ayam (ditumbuk sedikit)
- 2 biji lada merah (digiling)
- 6 ulas bawang putih (dihiris halus)
- 4 biji bawang besar (dihiris halus)
- 4 biji tomato (dipotong-potong)
- 3 sudu besar kicap manis
- 1 cawan air asam jawa
- 2 cawan cuka
- 1 cawan kacang tanah digoreng (kemudian ditumbuk kasar-kasar)
- 1 sudu teh lada putih serbuk
- 1 botol minyak makan untuk menggoreng ayam
- 4 helai daun limau purut atau daun salam
- 2 sudu besar gula melaka

dicampur dengan gula pasir sedikit, garam dan serbuk perasa secukupnya.

PERATURANNYA:—

Ayam dibersihkan dan dipotong-potong, kemudian digaul dengan cuka dan garam lalu digoreng.

Panaskan 1 cawan minyak dan tumiskan bawang. Setelah layu masukkan lada giling hingga garing dan wangi kemudian masukkan bawang besar serta daun limau purut tadi. Setelah bawang agak layu masukkan 1 sudu teh lada putih serbuk, kacang tanah tomat, kicap, gula melaka, air asam dan garam.

Masukkan ayam dan tuangkan air agak-agak 1 cawan dan masak hingga mendidih.



Tetamu Radio

TETAMU minggu ini ialah Dayang Ruminah Osman (gambar atas) yang bergiat dalam bidang Mak Andam. Ikutilah temubual Jamilah Abdullah bersama beliau pada hari Ahad 30 Mac jam 4.30 petang.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU

26 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ELECTRIC COMPANY
- 5.00 WILDLIFE AUSTRALIA: 'Secret World — Red River Gum'
- 5.50 MR BELVEDERE
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 MR BELVEDERE — sambungan
- 6.20 KUIZ KATA
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.47 KUIZ KATA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 MACGYVER: "The Thief Of Budapest"
- 7.40 AZAN ISYAK
- 7.44 MACGYVER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM: "Hanya Allah Yang Layak Disembah"
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 RENCANA TEMPATAN: Jabatan Pertanian — "Kajimusu" Bgh 2
- 9.50 ROAD TO WEMBLEY 1985/1986 SEASON: "Westham lwn Manchester United"
- 10.50 THREE'S COMPANY: "Mate For Each Other" Jack, walaupun tidak mahu mengakui, membuat 'date' melalui computer dating service. Komputer telah menemukan Jack dengan Janet.
- 11.15 ENTERTAINMENT THIS WEEK
- 1.05 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS

27 MAC

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 ALPHABET ZOO
- 5.45 SPACE ACE
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SPACE ACE — sambungan
- 6.15 ALAM PERMAI
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.46 ALAM PERMAI — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 KNIGHT RIDER: 'Knight Racer'
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.43 KNIGHT RIDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM: "Bahagia Menurut Al-Quran"
- 8.50 HIDAYAT
- 9.20 DUNIA MINGGU INI
- 9.50 ME AND MOM: 'Davie'
- 10.40 NEVER THE TWAIN: 'Nothing But The Truth' Apabila David dan Lyan berkata mereka selalu berterus terang di antara mereka, Simon menyatakan itu adalah satu resipi yang berbahaya.
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR: 'The Jericho Mile' Ketika sedang menghadapi hukuman penjara, seorang banduan mendapati dirinya seorang pelari sebatu kelas dunia. Dia telah diberi kesempatan untuk bertanding mengisi tempat di Sukan Olimpik dan inilah kesempatan untuknya lari menuju kebebasan. Pelakon-pelakon: Peter Straits, Richard Lawson, Roger E. Mosley, Brian Denneby, dan lain-lain.
- 1.35 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT

28 MAC

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.50 HIDAYAT — sambungan
- 12.55 SMURFS

PETANG

- 1.20 SPORTS: "Sunkist Invitational Track Meet" — Bgh 1
- 2.05 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
